



## KEMENTERIAN DALAM NEGERI

### SIARAN MEDIA

#### BELANJAWAN 2025: MEMBUGAR EKONOMI, MENJANA PERUBAHAN, MENSEJAHTERA RAKYAT

1. Kementerian Dalam Negeri (KDN) menyambut baik dan menghargai pengumuman oleh YAB Perdana Menteri yang melibatkan Kementerian, Jabatan serta Agensi di bawah KDN semasa pembentangan Belanjawan Rakyat 2025 dengan tema Membugar Ekonomi, Menjana Perubahan dan Mensejahtera Rakyat. Belanjawan 2025 ini selaras dengan peranan besar KDN untuk memastikan keselamatan dan ketenteraman awam sentiasa terpelihara termasuk memperkuuh keselamatan sempadan, perairan dan pintu-pintu masuk antarabangsa negara selaras dengan visi Malaysia MADANI yang matlamatnya agar semua rakyat Malaysia hidup bermaruah meliputi hak asasi dan kualiti hidup terjamin.
2. Secara keseluruhannya, KDN telah diperuntukkan sebanyak RM19.5 bilion yang terdiri daripada RM15.5 bilion bagi Perbelanjaan Mengurus (OE) dan RM4 bilion bagi Perbelanjaan Pembangunan (DE) iaitu kenaikan sebanyak 2% berbanding dengan Belanjawan 2024 sebanyak RM19.06 bilion. Peningkatan keseluruhan peruntukan KDN ini menggambarkan peranan penting KDN sebagai pemangkin kerangka Ekonomi MADANI dalam konteks Memperkuuh Perpaduan dan Keselamatan Negara.
3. Belanjawan 2025 ini memperlihatkan bahawa kerajaan serius dalam usaha memastikan agensi penguatkuasaan dapat terus memperhebat tindakan pemeliharaan kesejahteraan rakyat, menangani ketirisan hasil, memperketat langkah kawalan penyeludupan dan meningkatkan usaha penguatkuasaan serta operasi secara bersepadu melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM),

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan agensi-agensi penguatkuasaan yang lain.

### **Rumusan Belanjawan 2025 di Bawah KDN**

4. Sehubungan dengan itu, KDN amat berbesar hati dengan perhatian dan peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan. Antara rumusan Bajet 2025 yang melibatkan KDN adalah:
  - i. Pelaksanaan projek naik taraf Pos Kawalan dan Pembinaan blok baharu di Kompleks ICQS Wang Kelian;
  - ii. Perkhidmatan MEKAR JPN akan diteruskan;
  - iii. Pelaksanaan mekanisme levi pelbagai peringkat bagi mengurangkan kebergantungan pekerja asing;
  - iv. Pemberian Pas Residen dan Pas Penggajian kepada Pelabur Keluarga Pengasas dan profesional pelaburan Pejabat Keluarga melalui skim Pejabat Keluarga Tunggal yang diwujudkan di Zon Kewangan Khas Forest City;
  - v. Penglibatan PDRM dan Agensi uniform lain bagi pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) 3.0;
  - vi. RM10 juta bagi menjayakan program Peluang Kedua Anda (PEKA) oleh Jabatan Penjara Malaysia dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK);
  - vii. Program Baitul Mahabbah diteruskan dengan kerjasama NGO dan pertubuhan antarabangsa berkaitan;
  - viii. Penggubalan akta baharu berkaitan hukuman tahanan di rumah sebagai alternatif;
  - ix. RM2.12 bilion peruntukan aset khusus untuk PDRM dan agensi beruniform di bawah KDN bagi menjamin keselamatan dalam negeri dan membendung peningkatan kes jenayah;
  - x. RM2.1 bilion bagi pembinaan Pejabat Polis Baharu antaranya IPK Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Pahang, Ibu Pejabat Daerah (IPD) Wangsa Maju, IPD Daerah Petaling Jaya dan Balai Polis Tanjung Minyak, Melaka;

- xi. Perolehan aset perairan baharu di bawah APMM iaitu 6 buah kapal di bawah *Ship Life Extension Programme* Fasa 2, 1 buah kapal *Multi Purpose Mission Ship* dan 2 buah Kapal Ronda Generasi Baharu;
  - xii. RM560 juta bagi memperkasa sempadan negara melibatkan pembinaan baharu dan menaik taraf ICQS di Rantau Panjang dan Bukit Berapit, pembinaan dua pos sempadan baharu di Bantul dan Serudung, Sabah serta pembekalan teknologi dron dan AI kepada badan penguatkuasa;
  - xiii. RM20 juta bagi tujuan pemerkasaan kawalan pintu masuk negara melalui penggunaan kaedah kod QR di pintu masuk utama Negara;
  - xiv. Lebih RM1.8 bilion bagi membina, menyelenggara dan membaik pulih semua kuarters penjawat awam termasuk anggota polis dan penjara;
  - xv. Sehingga RM50 ribu bagi faedah Ex-Gratia Operasi untuk anggota pasukan keselamatan yang hilang upaya kekal semasa operasi dan sebanyak RM20 ribu bagi bayaran faedah Ex-Gratia Pukal kepada waris; dan
  - xvi. Kenaikan Elaun Layanan Sentiasa kepada RM1,500 daripada RM500.
5. Bagi mendepani cabaran untuk memelihara keselamatan dan ketenteraman awam serta memastikan kedaulatan negara terjamin, KDN akan terus bersama dengan Kerajaan bagi mempertingkatkan keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan kepada rakyat dan Negara. KDN yakin bahawa Belanjawan 2025 ini akan memperkasakan agensi penguatkuasaan di Malaysia seterusnya menjamin masa depan negara yang lebih berdaya tahan dan inklusif untuk semua rakyat Malaysia.

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

22 Oktober 2024

**- TAMAT -**

**Pertanyaan Media:**

Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Dalam Negeri  
[mediaukom@moha.gov.my](mailto:mediaukom@moha.gov.my) | [pro@moha.gov.my](mailto:pro@moha.gov.my) | 03-88800806/0807/0812